



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**(SIRI 08/2020)**  
**PANDANGAN FATWA MENGENAI PERMOHONAN MENDIRIKAN SOLAT**  
**JUMAAT DI SURAU SEKOLAH / KAWASAN PERUMAHAN SEPANJANG TEMPOH**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Jawatankuasa Fatwa telah meneliti permohonan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah mengenai kebenaran mendirikan Solat Jumaat di surau sekolah / taman perumahan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP) atau seumpamanya dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Berdasarkan pandangan Mazhab Syafie, tidak boleh didirikan berbilang Jumaat dalam sebuah kariah yang sama (تعدد الجمعة في بلد واحد) tanpa keperluan mendesak. Sekiranya berlaku hal yang demikian maka **hanya satu Solat Fardhu Jumaat sahaja yang sah iaitu yang terlebih dahulu bertakbiratul ihram manakala Jumaat yang satu lagi tidak sah dan kemungkinan juga kedua-duanya tidak sah jika berlaku takbiratul ihram secara serentak.**

2. Hal ini merujuk pandangan Imam al-Khatib al-Syarbani η:

أَنَّ لَا يَسْبِقُهَا وَلَا يُقَارِنُهَا جُمُعَةٌ فِي بَلَدِهَا.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Bahawa tidak dilalui dan tidak berlaku serentak (takbiratul ihram) dengan Jumaat yang didirikan dalam kariah yang sama.*

3. Berdasarkan peruntukan Seksyen 59, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008; setiap bangunan yang hendak dijadikan

---

<sup>1</sup> الإمام الخطيب الشربيني، مغني المحتاج، طبعة الأولى، 1997 / 1418، ص 420.

tempat Solat Jumaat hendaklah diwakaf atas nama **Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)**.

4. Solat Fardhu Jumaat yang dilaksanakan hendaklah terdiri daripada jemaah pemastautin tetap yang mencukupkan bilangan sah Solat Fardhu Jumaat dan hendaklah dipastikan ia dapat dilaksanakan secara berterusan (tidak boleh dalam tempoh tertentu sahaja).
5. Oleh yang demikian, permohonan mendirikan Solat Fardhu Jumaat di mana-mana tempat **selain daripada masjid jamek seperti surau sekolah atau kawasan perumahan sepanjang tempoh Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) atau seumpamanya tidak dapat dipertimbangkan.**
6. Bagaimanapun, pemohon dinasihatkan supaya dapat berbincang secara harmoni dengan Pegawai Masjid/ Jawatankuasa Kariah yang berhampiran agar ruang dan peluang mendirikan Solat Fardhu Jumaat turut diberikan kepada pihak surau sekolah / kawasan perumahan yang bermukim dalam kariah berkenaan.
7. Sekiranya Pegawai Masjid/ Jawatankuasa Kariah tidak dapat memberi maklum balas yang positif mengenai hasrat tersebut maka gugur kewajiban mendirikan Solat Fardhu Jumaat (tidak berdosa) kerana termasuk dalam keuzuran (مشقة) dan keputusan ini bertepatan dengan kaedah fiqh:

"درء المفسد مقدم على جلب المصالح"

*Maksudnya: Menghalang segala keburukan lebih diutamakan daripada mengambil kira kemaslahatan.*

8. Mana-mana lelaki yang memenuhi syarat sah Jumaat tetapi dia tidak dapat mendirikan Solat Fardhu Jumaat kerana keuzuran maka dia hendaklah menggantikan Solat Fardhu Jumaat tersebut dengan Solat Fardhu Zohor.

**TARIKH KEPUTUSAN : 10 OGOS 2020**